

Sumbangan Besar

BAPA PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Selesa dengan panggilan Pak Lah, beliau dilihat cukup tenang dan tetap merendah diri, namun sentiasa berpendirian tegas serta berkarisma.

Beliau memimpin negara pada ketika rakyat berasakan pembangunan material yang membanggakan dengan pelbagai rekacipta bangunan yang mengagumkan dunia, namun sedikit terganggu apabila nilai yang berkaitan dengan kemanusiaan seakan-akan tercabar dan dikesampingkan.

Pada waktu tersebut, satu dasar jelas berkaitan dengan pembangunan modal insan perlu diterapkan dan dilaksanakan dengan segera. Lantas, Pak Lah telah bertanggungjawab membina dan merangka model lengkap yang sesuai pada zamannya dan memberikan sumbangan besar kepada generasi kini dengan idea asas untuk membangunkan nilai terbaik rakyat berpandukan agama. Dalam konteks ini, Islam dijadikan teras agama yang dinamakan sebagai Islam Hadhari. Itulah Tun Abdullah Ahmad Badawi, Perdana Menteri Kelima dengan gaya kepemimpinan yang


tersendiri dalam menerajui negara.

Tun Abdullah Ahmad Badawi telah memimpin negara bermula pada Oktober 2003 hingga April 2009. Sebagai Perdana Menteri, beliau telah menampilkan gaya kepemimpinan yang berbeza dengan menggunakan pendekatan yang sederhana, berhemah, namun tegas dalam memperjuangkan agenda pembangunan negara dan membentuk masyarakat berteraskan nilai. Perjuangan beliau pastinya berniat untuk mendidik masyarakat Malaysia terutamanya generasi muda dan belia tentang kepentingan asas nilai dalam diri setiap insan.

Konsepnya, setiap generasi perlu diberikan peluang yang seluas-luasnya untuk menerima nilai dan kemahiran yang baik. Proses pemupukan dan penerapan nilai insaniah berteraskan agama ini telah menjadikan beliau sebagai pejuang dalam pembangunan modal

insan di Malaysia, terutamanya semasa pentadbiran beliau sebagai Perdana Menteri.

Dalam tempoh Tun Abdullah menerajui negara, beberapa inisiatif pendidikan telah dilaksanakan oleh beliau termasuklah program latihan untuk guru, peningkatan kemudahan di sekolah dan penggunaan teknologi maklumat dalam pembelajaran. Melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006-2010) misalnya, beliau telah menggariskan beberapa inisiatif khusus bagi memperkukuh sistem pendidikan negara agar selaras dengan keperluan pada masa hadapan.



Melalui gagasan Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh beliau pada awal pentadbirannya, banyak pembaharuan telah dilakukan terutama berkaitan dasar dan hala tuju pembangunan negara.

Bagi tujuan pembangunan bidang pendidikan tinggi pula, Tun Abdullah telah melakukan banyak usaha untuk peningkatan dan penambahbaikan institusi pendidikan tinggi seperti universiti dan kolej swasta, menaik taraf sekolah serta institut latihan perguruan. Dengan pendekatan seumpama ini beliau percaya bahawa pemupukan generasi muda dengan kemahiran, latihan dan nilai murni akan membolehkan mereka untuk berjaya mengharungi keadaan semasa yang mencabar dengan landskap pendidikan yang semakin kompetitif.

Tun Abdullah juga telah memperkenalkan pelbagai program berasaskan pendidikan dan kemahiran untuk rakyat khususnya generasi muda dan belia bagi meningkatkan kemahiran pada peringkat tertinggi dan berdaya saing. Fokus beliau terhadap pendidikan, latihan kemahiran serta pembangunan sahaja telah menjadikan generasi muda sebagai watak penting dalam pembangunan negara.

Mengenang sumbangan besar Tun Abdullah dalam pembangunan modal insan ini, Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) telah memilih beliau sebagai penerima Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat Khas Bapa Pembangunan Modal Insan Malaysia pada tahun 2018. Menurut pihak ASLI, sumbangan Tun Abdullah dalam pembangunan modal insan amat besar. Perkara ini telah menjadi teras sepanjang tempoh beliau menjadi Perdana Menteri dan semasa beliau berkhidmat sebagai Menteri Pendidikan.

Berdasarkan Laporan Modal Insan 2017 oleh Forum Ekonomi Dunia, pembangunan modal insan Malaysia menduduki tempat kedua di Asia Tenggara dan ke-33 di dunia. Menurut ASLI, pencapaian ini merupakan

kesan daripada sumbangan besar Pak Lah sepanjang pentadbiran beliau.

Perkara yang terkait dengan modal insan ini telah menjadi agenda utama beliau sepanjang mentadbir negara. Bagi beliau, modal insan bukan sekadar lahir dalam bentuk pembelajaran sahaja. Modal insan juga adalah tentang nilai, kepercayaan, integriti, institusi dan kesaksamaan. Tanpa nilai murni, infrastruktur moden atau kelas pertama akan kekal tidak memberikan manfaat kepada generasi akan datang.

Berbicara tentang Tun Abdullah, kita tidak dapat lari daripada mengagumi nilai peribadinya sebagai seorang individu dan juga pemimpin negara. Beliau merupakan seorang ahli politik yang dilihat "bersih" daripada rencah politik yang membebankan. Malah beliau dikenali sebagai seorang yang membawa budaya politik mesra dengan semua sama ada kawan mahupun lawan politiknyanya. Budaya mesra ini merupakan lambang keperibadian dan akhlak beliau yang tidak gemar untuk bermusuh dengan sesiapa pun.

Tun Abdullah telah membawa gaya kepimpinan yang berteraskan agama dalam mencorakkan hala tuju Malaysia pasca alaf baharu. Melalui gagasan Islam Hadhari yang diperkenalkan oleh beliau pada awal pentadbirannya, banyak pembaharuan telah dilakukan terutamanya berkaitan dengan dasar dan hala tuju pembangunan negara. Gagasan Islam Hadhari yang diperkenalkan bukan sekadar slogan, tetapi merupakan satu pendekatan pembangunan berteraskan prinsip Islam yang

menekankan kemajuan menyeluruh termasuklah aspek rohani, ekonomi, sosial dan politik.

Berdasarkan fakta, Gagasan Islam Hadhari ini mula-mula diutarakan oleh Tun Abdullah semasa menyampaikan ucap utamanya di Perhimpunan Agung UMNO pada 23 September 2004 dan seterusnya dilancarkan sebagai inisiatif nasional yang bertujuan untuk menggalakkan pendekatan pembangunan yang progresif dan seimbang berdasarkan prinsip Islam. Pengenalan dasar ini juga merupakan satu daripada usaha bagi menangkis persepsi dan pandangan negatif terhadap Islam yang pada ketika itu dikaitkan dengan aktiviti keganasan, selepas serangan 11 September 2001 di Amerika Syarikat.

Umumnya Gagasan Islam Hadhari ini mengandungi 10 prinsip asas. Antara prinsip tersebut



Program j-QAF yang diperkenalkan semasa pentadbiran Tun Abdullah.

termasuklah keimanan kepada Allah, pembangunan ekonomi yang seimbang, integriti budaya dan moral, serta perlindungan hak minoriti. Melihat kepada senarai prinsip ini, menunjukkan usaha gagasan ini untuk membina masyarakat Islam yang maju dan dinamik, tetapi tetap berakar pada nilai agama. Oleh itu, gagasan Islam Hadhari mampu untuk menangani stereotaip negatif masyarakat dunia terhadap Islam sebagai agama yang mundur atau agresif.

Sebaliknya, Islam Hadhari membawa pendekatan yang progresif dalam memartabatkan Islam sebagai agama rahmat kepada seluruh alam dengan menolak ekstremisme dan menganjurkan sikap keterbukaan serta toleransi antara kaum dengan agama di Malaysia. Pendekatan ini mendapat sambutan yang baik dalam kalangan masyarakat majmuk di negara ini dan turut mendapat pengiktirafan pada peringkat antarabangsa.

Melalui Islam Hadhari, Tun Abdullah turut memperkukuh institusi Islam seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan memperhebatkan pendidikan agama yang berteraskan nilai integriti, amanah dan kasih sayang. Pada peringkat sekolah contohnya, Program j-QAF telah diperkenalkan. Program ini merupakan usaha untuk

memperkasakan Pendidikan Islam (PI) melalui penekanan khusus dalam pengajaran Jawi, al-Quran, Bahasa Arab dan Fardu Ain yang dilaksanakan pada peringkat sekolah rendah bermula pada tahun 2005 secara berperingkat-peringkat.

Selari dengan pendekatan Islam Hadhari yang menjadikan integriti serta tadbir urus yang telus dalam pentadbirannya, Tun Abdullah telah memberikan sumbangan yang besar terhadap pemerkasaan institusi berkaitan kawalan dan pencegahan rasuah. Beliau telah meletakkan usaha membanteras rasuah dan salah laku pentadbiran sebagai agenda utama dalam pengurusan

negara. Bagi merealisasikan objektif tersebut, Tun Abdullah telah memberikan nafas baharu kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR) yang kemudian dinaik taraf menjadi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan tambahan fungsi dan peranan yang lebih berkesan sebagai badan penguatkuasaan undang-undang.

Tun Abdullah turut memperkenalkan beberapa inisiatif ketelusan termasuklah menambahbaikkan prosedur perolehan kerajaan dan menggalakkan pemantauan awam terhadap projek-projek kerajaan. Walaupun cabaran dalam menangani rasuah begitu besar, namun niat murni beliau untuk membawa budaya integriti dan akauntabiliti dalam pentadbiran awam merupakan asas kukuh yang telah diusahakan sebagai penanda aras bagi generasi pemimpin selepasnya. Hal ini merupakan sumbangan besar yang perlu diteruskan pengukuhannya oleh peneraju negara pada masa ini dan akan datang.

Era Tun Abdullah turut menyaksikan pelancaran Koridor Ekonomi yang berfungsi sebagai pemangkin pembangunan wilayah yang lebih seimbang. Antara koridor utama yang dilancarkan termasuklah Iskandar Malaysia (Wilayah Selatan Johor), Koridor Utara (NCER), Koridor Pantai Timur



Antara sumbangan besar Tun Abdullah dalam usaha memartabatkan integriti di negara ini.



Koridor Utara (NCER)

(ECER), Koridor Sabah (SDC) dan Koridor Sarawak (SCORE). Setiap Koridor ini direka untuk menarik pelaburan domestik dan asing serta mempercepat pembangunan ekonomi di luar Lembah Klang. Inisiatif ini menunjukkan kesungguhan Tun Abdullah dalam usaha memastikan pembangunan negara tidak tertumpu di kawasan bandar sahaja, malah dinikmati secara menyeluruh oleh rakyat terbanyak.

Walaupun negara sedang giat menuju ke arah ekonomi berasaskan industri dan perkhidmatan, Tun Abdullah tidak melupakan pentingnya sektor asas seperti pertanian. Antara sumbangan besar beliau dalam bidang pembangunan dan kemajuan pertanian adalah dengan memperkenalkan idea untuk menjadikan sektor pertanian sebagai enjin pertumbuhan ekonomi kedua negara.

Langkah ini disambut baik oleh rakyat, khususnya mereka yang tinggal di luar bandar. Pelbagai bantuan disalurkan kepada petani dan nelayan, termasuklah sokongan kewangan, bantuan teknikal dan pengembangan infrastruktur asas. Antara program terkenal berkaitan dengan pertanian ini termasuklah pembangunan Agropolitan yang bertujuan untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan

pendapatan penduduk di luar bandar. Melalui dasar ini, banyak tanah terbiar diaktifkan semula untuk kegiatan pertanian moden. Program ini bukan sahaja meningkatkan hasil negara, malah dapat mengurangkan kebergantungan kepada import makanan, sekaligus menjamin persekitaran keselamatan makanan negara.

Seterusnya, pada peringkat antarabangsa pula, Bapa Pembangunan Modal Insan ini dikenali sebagai pemimpin yang sentiasa mengamalkan pendekatan berhemah dan sederhana. Melalui dasar luar negara, beliau membawa pendekatan wasatiyyah atau kesederhanaan. Malaysia di bawah kepimpinan beliau aktif dalam diplomasi antarabangsa, terutamanya dalam dunia Islam dan ASEAN.

Sebagai Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada ketika itu, beliau telah mengangkat imej Malaysia sebagai negara Islam moden yang progresif dan dihormati. Pendekatan beliau yang tidak konfrontasional, namun berprinsip, menjadikan Malaysia sebagai peneraju yang penting dalam perbincangan antarabangsa.

Tun Abdullah Ahmad Badawi meninggalkan satu legasi penting dalam sejarah pentadbiran negara. Beliau telah menyemai



asas pemikiran progresif Islam, pembangunan modal insan serta pentadbiran yang telus dan berintegriti. Dasar-dasar yang diperkenalkan oleh beliau, walaupun ada yang menghadapi rintangan dalam pelaksanaan, namun tetap menjadi asas kepada banyak dasar yang diteruskan hingga ke hari ini.

Dalam dunia yang semakin kompleks dan penuh cabaran, legasi Tun Abdullah mengingatkan kita bahawa kepimpinan bukan hanya soal kuasa, tetapi soal amanah, nilai dan keberanian untuk melakukan perkara yang betul. Walaupun terkadang perkara tersebut dilihat tidak popular pada waktu tersebut.

Sebagai rakyat Malaysia, kita wajar menilai dan menghargai jasa pemimpin-pemimpin yang telah membina asas yang baik demi kemajuan negara. Seperti kata pepatah, "yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan." Begitulah sumbangan Tun Abdullah kepada negara, iaitu pemimpin yang membentuk minda bangsa dengan nilai, bukan hanya angka. Mengenang sumbangan besar Bapa Pembangunan Modal Insan Malaysia ini kita akan sentiasa teruja dengan konsep penerapan asas agama dalam setiap tindakan yang kita lakukan. Terima kasih Pak Lah! ●

Penulis, Pensyarah Kanan, Kolej Pendidikan Berterusan, Universiti Tenaga Nasional, Kampus Putrajaya.

TUN ABDULLAH AHMAD BADAWI DAN LIBERALISASI POLITIK

Kepulangan Tun Abdullah Ahmad Badawi ke negeri abadi pada 14 April 2025 tidaklah mengejutkan apabila mengambil kira keadaan kesihatan Allahyarham yang merosot sejak persaraannya pada tahun 2009.

Namun begitu, yang lebih mengejutkan penulis ialah “penghargaan luar biasa” yang ditunjukkan oleh segenap lapisan masyarakat sejak hari pemergiannya. Sebagai pengkaji dan pengikut era beliau, hal ini merupakan sesuatu yang amat mengharukan kerana sewaktu persaraannya pada tahun 2009, legasi beliau masih dilihat dengan penilaian yang bercampur baur dan tidak dihargai dengan sewajarnya.

Sejak 14 April 2025, legasi Tun Abdullah telah diangkat dengan lebih adil. Semua pihak yang pernah mengenali Tun Abdullah atas sebarang jua kapasiti berasa terpenggil untuk berkongsi sebarang kenangan dengan tokoh yang dianggap oleh penulis sebagai “lelaki UMNO terakhir”. Buat pertama kalinya juga, pemergian Tun Abdullah semacam menyatukan seluruh warga Malaysia tanpa mengira fahaman politik, agama dan bangsa.

Jika penulis dapat memilih legasi tersohor Tun Abdullah, pastinya sumbangan Allahyarham dalam memulakan liberalisasi politik. Ditunjangi oleh dasar keterbukaan yang diasaskan beliau sejak menajui negara pada

penghujung tahun 2003, Tun Abdullah memberanikan diri membuka ruang awam yang sebelumnya hanya dinikmati secara perhad. Ujar Tun Abdullah dalam temu bualnya dengan penulis pada tahun 2010, “Selepas 50 tahun, saya terpaksa buka ruang sebab kewujudan Internet yang semakin mempengaruhi suasana. Kita ada generasi yang sudah mula mencabar pemikiran dan perasaan. Mereka sudah mula mencuit. Mereka sudah mula melihat semua jenis perkara. Kita tidak mahu lagi kurung mereka dalam sangkar. Kita mesti membuka ruang dan peluang yang lebih besar”.

Rakyat Malaysia pada ketika itu umpama memperoleh nafas baharu. Buat pertama kalinya isu yang berkaitan dengan integriti, etnik dan agama mula dibahaskan secara terbuka. Beberapa media mula menyiarkan laporan pemberitaan berbentuk penyiasatan yang membongkar beberapa skandal dan kontroversi. Malah, anggota kabinet beliau sendiri boleh “bertegang urat” secara terbuka. Pada ketika ini, Tun Abdullah mula diberikan ingatan oleh pelbagai pihak khususnya parti yang diterajunya UMNO bahawa situasi tersebut menampakkan beliau telah hilang kawalan. Mereka juga bimbang

hal tersebut akan memberikan kesan libasan kepada kerajaan.

Walau bagaimanapun, Tun Abdullah menolak kebimbangan tersebut dan menganggap hal tersebut adalah situasi baharu yang menjadikan rakyat keliru. Dalam Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 2006, Tun Abdullah menegaskan dalam kenyataannya yang paling berani bahawa beliau lebih bersedia melihat perbalahan hangat meletus di muka akhbar daripada rusuhan membara di muka bumi. Beliau juga menekankan bahawa pemimpin tidak perlu berasa gentar untuk mengamalkan budaya yang lebih terbuka dan mesra kepada media demi mencapai demokrasi yang matang.

Tun Abdullah juga amat menghormati demokrasi dan tidak pernah menunjukkan obsesi beliau terhadap kuasa. Beliau tidak “menganggu” Kerajaan PAS di Kelantan walaupun pada satu ketika, PAS hanya mempunyai majoriti satu kerusi selepas BN memenangi Pilihan Raya Kecil Permatang Pasir. Apabila BN kehilangan majoriti dua pertiga buat pertama kali dalam Pilihan Raya Umum pada tahun 2008, beliau menerima dengan terbuka keputusan tersebut dan tidak menggunakan “tiket perkauman dan agama” dalam mentafsirkan pilihan rakyat. Di sebalik personaliti beliau yang banyak dilihat lunak, beliau bertegas dengan tidak membenarkan lunas demokrasi tercabar apabila menggagalkan cubaan peralihan kuasa menerusi kaedah pintu belakang dalam rancangan “916”.

Selain itu, institusi demokratik juga mula diperkukuh di bawah pemerintahan beliau. Parlimen bukan sahaja menyaksikan perbahasan yang lebih hidup, malah peranan Dewan Negara juga lebih jelas dalam beberapa isu. Hal ini dikukuhkan lagi dengan peranan Jawatankuasa Kira-Kira Awam (PAC) yang diberikan kebebasan menyelongkar sebarang isu berhubung dengan perbelanjaan kerajaan. Walaupun ada beberapa reformasi yang cuba dilakukan gagal berikutan tentangan dan hanya terhasil “dalam bentuk yang dilunakkan” seperti Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC), Suruhanjaya

Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Suruhanjaya Perlantikan Kehakiman (JAC), iltizam beliau tetap menerima kredit besar. Selain tidak campur tangan dalam keputusan mahkamah yang membebaskan Dato' Seri Anwar Ibrahim pada tahun 2004, Tun Abdullah juga dilihat cuba memberikan "penutup" terhadap episod kehakiman pada tahun 1988 dengan membayar ganti rugi kepada hakim-hakim yang terlibat dalam krisis itu.

Masyarakat sivil yang selama ini diketepikan daripada pembuatan keputusan juga dirundingi Tun Abdullah dalam beberapa isu penting. Tindakan BERSIH yang memulakan tekanan kepada pentadbirannya dalam isu ketelusan pilihan raya barangkali adalah ironi dalam mempertimbangkan keputusan mengejut PRU-12 yang dihasilkan oleh sistem pilihan raya yang ditentang oleh gerakan itu. Hal tersebut adalah sistem pilihan raya sama yang kemudiannya memberikan kemenangan kepada Pakatan Harapan pada PRU-14 dan bukannya himpunan jalanan yang sering menjadi pilihan BERSIH.

Bukan menjadi rahsia tentang liberalisasi politik yang dibawa oleh Tun Abdullah ditentang oleh UMNO dan pendukung tegar Melayu-Islam. Perubahan yang dibawa telah mengenakan tekanan kepada parti dominan itu dan dilihat merugikan orang Melayu. Keterbukaan dan ketelusan yang dianjurkan juga telah menjadikan golongan prodemokrasi dan pihak pembangkang menjadi semakin angkuh dalam demokrasi yang menjadi tidak terkawal. Inilah punca-punca yang menurut mereka menyumbang kepada keputusan PRU pada tahun 2008. Tun Abdullah tidak berganjak dan berpatah ke belakang.

Selain meneruskan beberapa reformasi akhir beliau, Tun Abdullah dalam ucapan terakhirnya semasa Perhimpunan Agung UMNO pada tahun 2008 menggesa agar UMNO tidak kembali kepada orde lama yang menyekat kebebasan rakyat daripada menyuarakan kritikan. Selepas persaraan, beliau dengan terbuka menggesa agar undang-undang ISA

dimansuhkan dan menyesali tidak bertegas dalam perubahan yang telah dibawanya.

Dalam temu bual penulis dengan Profesor Shamsul Amri Baharuddin pada tahun 2010, beliau menegaskan bahawa tekanan yang terlalu lama dalam era Mahathir menjadikan rakyat tidak menyangkakan bahawa sebarang keterbukaan boleh berlaku. Namun ironinya, Tun Abdullah membuka pintu untuk keterbukaan tetapi beliau akhirnya "dipijak". Rakyat tertarik dengan pintu yang dibuka dan menyerbu kebebasan, tetapi melupakan dan tidak nampak orang yang membuka pintu itu.

Mantan Yang di-Pertua Dewan Negara dalam era Abdullah, Hamid Pawanteh dalam satu temu bual media pada tahun 2009 pula melihat, psiki "UMNO tahu yang terbaik" dan "UMNO tahu semuanya" menjadikan dasar keterbukaan Tun Abdullah tidak dianggap sebagai sumbangan positif untuk Malaysia. Malah, aktivis masyarakat, Hishamuddin Rais turut menulis pada penghujung tahun 2008 bahawa "suara-suara yang menuntut Abdullah Ahmad Badawi mengundurkan diri tidak pernah menyebut, mengusik atau menilai ruang demokrasi yang dibuka oleh beliau."

Apabila ditanya oleh penulis mengenai perkara ini, Tun Abdullah mempertahankan projek besarnya itu. Ujarnya lagi, "Kita bercakap mengenai reformasi terbesar yang mengandungi cetusan kebebasan bersuara. Hal ini merupakan langkah yang paling besar menuju reformasi. Anda tidak boleh melakukan reformasi tanpa mereformasikan minda dan sikap. Kekecewaan saya hanyalah kerana rasa liberalisme itu masih tidak dapat dihayati."


Biar pun beberapa penulis cuba membandingkan Tun Abdullah dengan nasib yang menimpa pemimpin reformis Soviet Union, Mikhail Gorbachev, penulis melihat contoh yang lebih tepat untuk dibandingkan ialah Nikita Khrushchev, iaitu pemimpin pertama Soviet yang cuba melakukan kelonggaran politik. Kedua-



duanya mewarisi sistem yang kuat, tumbuh melalui sistem yang sama, mempunyai suara naluri dan cuba meletakkan konsensus baharu dalam hala tuju negara masing-masing. Namun begitu, dalam usaha menyeimbangkan tuntutan semua pihak, kedua-duanya kehilangan sokongan daripada parti politik dan pengundi yang meletakkan mereka di puncak kekuasaan. Hal ini adalah dimensi humanis kedua-dua pemimpin yang melonjakkan karier mereka ke peringkat tertinggi dan dimensi ini jugalah yang turut menyumbang kepada pengunduran mereka.

Penulis seringkali beranggapan bahawa menilai legasi kepemimpinan seseorang pemimpin bukanlah tugas yang harus dilakukan serta merta selepas persaraan atau tamat pemerintahannya kerana harus mengambil kira faktor masa dan juga perkembangan selepasnya. Ada sesuatu yang menarik untuk diperhatikan bahawa selepas persaraan Abdullah yang "agak tidak terhormat" pada tahun 2009 itu, banyak pihak menggunakan diktum "sejarah akan menilai Abdullah dengan lebih baik". Sama ada sekadar satu ungkapan klise untuk bersikap diplomasi atau sebaliknya, penghargaan dan sanjungan yang diberikan kepada Tun Abdullah setelah pemergiannya dapat menjelaskan kedudukan sebenar Tun Abdullah di sisi sejarah. Selamat jalan patriot Malaysia! ●

Profesor Madya Dr. Muhamad Takiyuddin Ismail merupakan Pensyarah Program Sains Politik UKM. Beliau merupakan penulis *Saga Neokonservatif: Abdullah Badawi, UMNO dan Konservatisme* terbitan Penerbit UKM (2014).



Allahyarham Tun Abdullah Ahmad Badawi

Perdana Menteri Malaysia Kelima

26 November 1939 – 14 April 2025

Beliau dilahirkan di Kampung Perlis, Bayan Lepas, Pulau Pinang. Beliau merupakan anak sulung kepada Haji Ahmad Haji Abdullah Fahim@ Ahmad Badawi dan Datuk Khailan Haji Hassan.

Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Permatang Bertam (1947), Sekolah Tinggi Bukit Mertajam dan Penang Methodist Boys School.

Pada tahun 1964, beliau telah berjaya memperoleh Ijazah Sarjana Muda Sastera dalam bidang Pengajian Islam di Universiti Malaya.

JAWATAN KERAJAAN

- 1964 Penolong Setiausaha, Jabatan Perkhidmatan Awam
- 1974 Ketua Pengarah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
- 1974 Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
- 1980 Timbalan Menteri Kementerian Wilayah Persekutuan
- 1981 Menteri di Jabatan Perdana Menteri
- 1984 Menteri Pendidikan
- 1986 Menteri Pertahanan
- 1991 Menteri Luar Negeri
- 1999 Timbalan Perdana Menteri
- 2003 Perdana Menteri Kelima

JAWATAN POLITIK

- 1978 Ahli Parlimen Kepala Batas
- 1978 Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan
- 1979 Ketua UMNO Cawangan Bertam
- 1979 Ketua UMNO Bahagian Kepala Batas
- 1981 Ahli Majlis Tertinggi UMNO
- 1984 Naib Presiden UMNO
- 1990 Ketua Delegasi UMNO ke Jawatankuasa Perundingan Ekonomi Negara/Pengerusi Jawatankuasa Penyusunan Semula Masyarakat
- 1993 Ahli Majlis Tertinggi UMNO
- 1996 Naib Presiden UMNO
- 1998 Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Pulau Pinang
- 2000 Timbalan Presiden UMNO
- 2004 Presiden UMNO

KU CARI *Damai Abadi* (2004)

Aku cari bukan harta bertimbun-timbun,
Untuk hidup kaya,
Aku cari bukan wang berjuta-juta,
Untuk hidup bergaya,
Aku cari bukan kawan-kawan,
Untuk hidup sekadar berfoya-foya,
Aku cari mana dia Al-Ghazali,
Aku cari mana dia Al-Shafie,
Kita bongkar rahsia kitab suci,
Cari pedoman
Kita bongkar rahsia sunnah nabi
Cari panduan
Aku hidup kerana Dia Rabbi
Dialah teman
Dialah wali
Dia mencukupi
Aku hidup bererti
Menikmati damai abadi.

KEPERIBADIAN SEORANG NEGARAWAN

"Dalam derapan langkah politik yang sering gawat dan menyesakkan, Pak Lah sentiasa menjadi pihak yang menenangkan. Beliau menerima saya dengan penuh adab dan ihsan, meski kami pernah berada di medan politik yang bertentangan. Itulah betapa besarnya jiwa seorang negarawan ulung."

Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim

"Kita berterima kasih atas semua jasa Allahyarham kepada negara. Semoga roh Allahyarham dirahmati dan ditempatkan dalam kalangan mereka yang beriman."

KDYMM SPB Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim

"Beliau berkhidmat untuk negaranya dengan penuh dedikasi, bekerja tanpa mengenal lelah untuk menangani cabaran yang dihadapi oleh Malaysia dan meningkatkan mutu kehidupan rakyat Malaysia."

Menteri Kanan Singapura, Lee Hsien Loong

"Beliau merupakan sahabat sejati dan insan berintegriti tinggi ... Selamat jalan, Pak Lah. Semoga Allah SWT menerima beliau dalam rahmat dan kedamaian abadi. Aamin."

Presiden Republik Indonesia Keenam, Susilo Bambang Yudhoyono

IDEA, FALSAFAH DAN LEGASI TUN ABDULLAH AHMAD BADAWI

ISLAM HADHARI (2004)

Islam Hadhari menekankan aspek pembangunan yang menjurus kepada pembinaan peradaban melalui pegangan Islamik dan memfokuskan kepada usaha mempertingkatkan mutu kehidupan dan kemajuan melalui penguasaan ilmu dalam pelbagai bidang serta pembangunan insan, kesihatan dan fizikal.

PELAN INTEGRITI NASIONAL (2004)

Pelan Integriti Nasional (PIN) merupakan pelan jangka panjang yang menyeluruh berdasarkan Cabaran Keempat Wawasan 2020, iaitu untuk membentuk sebuah masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya.

Serentak dengan pelancaran PIN, kerajaan menubuhkan Institut Integriti Malaysia (IIM) sebagai agensi penyelaras dan pemantauan pelaksanaan PIN.

Pelancaran PIN dan penubuhan IIM merupakan pendorong utama ke arah usaha dan pencapaian agenda integriti negara.

KORIDOR EKONOMI (2006)

Pembangunan lima Koridor Wilayah dilaksanakan bagi merapatkan jurang pendapatan antara rakyat. Inisiatif ini membabitkan penyediaan infrastruktur dan memanfaatkan sumber-sumber yang terdapat di kawasan luar bandar untuk meningkatkan taraf sosioekonomi.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN (2006)

Penekanan terhadap usaha membangunkan modal insan terhasil apabila kerajaan mulai sedar bahawa generasi hadapan merupakan aset insani Malaysia yang paling penting dalam merealisasikan sebuah negara yang Maju, Cemerlang, Gemilang dan Terbilang menjelang Wawasan 2020.

MISI NASIONAL (2006)

Pembangunan modal insan telah menjadi agenda utama dalam Misi Nasional yang menekankan pembangunan modal insan berkaitan dengan peningkatan tahap pendidikan, kemahiran, akhlak dan keyakinan diri.

Sumber: Jabatan Perdana Menteri